

BAB 4

TEKNIK-TEKNIK PEMUJUKAN

4.0 Pengenalan

Bab ini akan mengupas penggunaan pelbagai teknik pemujukan yang digunakan oleh Abdul Hadi Awang dalam ceramah politik beliau berdasarkan data-data kajian yang dikumpulkan.

Antara teknik yang akan dibincangkan dalam bab ini adalah teknik pengukuhan, teknik mengumpan sokongan, teknik permintaan tindakan, teknik menakut-nakutkan, teknik beranalogi sebagai sindiran, teknik humor, teknik penonjolan kesopanan dan teknik penyisian. Kajian ini akan mengupas keberkesanannya setiap teknik yang digunakan oleh penutur untuk mencapai matlamatnya bagi memujuk khalayak.

4.1 Teknik Pengukuhan

Teknik pengukuhan merupakan teknik yang digunakan oleh seseorang penutur untuk mengukuhkan pernyataannya tentang apa yang sudah dipercayai oleh khalayak

dan seterusnya untuk membuktikan bahawa apa yang diperkatakannya merupakan sesuatu yang benar. Oleh yang demikian, penutur tidak perlu menarik perhatian pendengar kepada ruang sikapnya yang asal (Hunt, 1990: 281). Teknik ini sememangnya penting terutama kepada ahli politik ketika menyampaikan ceramah dalam kempen pilihan raya dan seterusnya untuk meraih kepercayaan pendengar dan pengundi.

Di bawah topik ini, akan dibincangkan tiga jenis teknik pengukuhan iaitu:

- i. pengukuhan melalui fakta sejarah,
- ii. pengukuhan melalui petikan Al-Quran dan hadith, dan
- iii. pengukuhan melalui kepelbagaiuan isu.

4.1.1 Pengukuhan Melalui Fakta Sejarah

Penggunaan fakta-fakta sejarah ini agak meluas di kalangan penutur, terutamanya oleh seseorang penceramah politik. Walaupun ia tidak diperkatakan secara terpeinci namun penggunaannya memadai untuk membawa fikiran para hadirin atau khalayak terhadap satu kisah benar yang terjadi pada masa lampau. Memang tidak dapat disangkalkan bahawa manusia mempelajari tamadun hidupnya berdasarkan sejarah. Senjata inilah yang banyak memberikan kesedaran kepada

khalayak tentang kebenaran yang dikaitkan oleh penutur tentang perkara yang sedang diperkatakannya.

Dalam ceramah politik oleh Abdul Hadi Awang, pengkaji mendapati bahawa penyelitan unsur sejarah amat kerap dilakukan, terutama penyingkapan sejarah beberapa buah negara Islam serta sejarah parti PAS. Seringkali penutur memasukkan unsur-unsur ini di awal ceramah sebelum beliau memperkatakan tentang sesuatu topik. Terdapat dua kategori fakta sejarah yang digunakan iaitu:

- i. sejarah parti PAS
- ii. sejarah negara-negara Islam

4.1.1.1 Sejarah Parti Pas

Abdul Hadi Awang kerap mengungkapkan sejarah PAS apabila beliau memperkatakan soal kemerdekaan negara Malaysia. Selain itu, penutur juga sering menyebut tentang jasa seorang tokoh terkemuka parti PAS yakni Almarhum Dr. Burhanuddin Al-Helmi kepada khalayak. Ini dapat dilihat berdasarkan contoh-contoh petikan di bawah:

- i. Penglibatan Almarhum Dr. Burhanuddin Al-Helmi, salah seorang daripada pemimpin utama PAS, yang memimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya sebelum ditubuhkan UMNO menunjukkan bagaimana golongan Islam mengepalai perjuangan untuk kemerdekaan, dan kita mahu supaya kemerdekaan itu hendaklah diisi dengan Islam, menjadi agama yang memerintah, agama yang berdaulat.
- ii. Tahun 51 menubuhkan Persatuan Islam Se-Tanah Melayu (PAS) untuk mengajar umat Islam bahawa kemerdekaan yang sebenar bagi kita ialah dengan kita menjadikan Islam sebagai agama yang memerintah.
- iii. Yang menentang penjajah bukannya UMNO. Lebih dulu daripada UMNO sudah ada parti yang menentang penjajah, iaitulah Parti Kebangsaan Melayu Malaya yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi. Kemudian Inggeris telah menubuhkan Malayan Union. Orang-orang Melayu menentang Malayan Union ini, ditubuhkan pula UMNO, gabungan kepada parti-parti Melayu tetapi Inggeris telah berjaya meletakkan pegawai-pegawai mereka ke dalam pimpinan UMNO...

Berdasarkan pemaparan fakta-fakta sejarah seperti di atas, para pendengar pasti mengetahui serba sedikit tentang tokoh perjuangan yang menuntut kemerdekaan negara. Selain itu, dengan cara ini juga pendengar pasti mengenali serba-sedikit tentang tokoh yang sering disebut oleh penutur dalam beberapa siri ceramahnya, misalnya Dr. Burhanudin Al-Helmi.

4.1.1.2 Sejarah Negara-Negara Islam

Abdul Hadi Awang banyak menyelitkan tentang kisah beberapa buah negara Islam. Dalam kesemua data ceramah yang diperoleh, didapati tumpuan penutur lebih berpusat pada sejarah jatuh bangunnya Islam di negara-negara Timur Tengah dan Barat.

Sebenarnya, kita dapat mengaitkan hal ini dengan melihat matlamat atau tujuan penubuhan parti PAS, iaitu ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam sepenuhnya. Justeru, maka bertepatanlah kisah-kisah sebegini diselitkan dalam ceramah beliau bagi memujuk emosi khalayak yang hampir kesemuanya beragama Islam agar turut bersama dengannya bagi mendirikan sebuah negara Islam.

Contoh penggunaan unsur ini adalah seperti berikut:

- i. Dalam sejarahnya umat Islam, umat Islam pernah menghadapi bahaya kedatangan tentera Tartar yang menyerang bandar Baghdad. Bandar Baghdad ditawan oleh Tartar. Penduduk Baghdad dibunuhan sehingga Baghdad menjadi kolam darah. Kitab-kitab ilmu dalam segala bidang yang dikarang oleh ulamak-ulamak Islam dipunggah oleh bala tentera Tartar yang ganas. Tartar ialah anak cucu nenek Khan...
- ii. Di Sepanyol, Islam yang telah memerintah 800 tahun lebih dikalahkan oleh Kristian. Kristian mengambil peluang daripada jatuhnya Islam di Sepanyol dengan membunuh ulamak-ulamak, membunuh orang-orang Islam, orang yang bernama Islam. Tak padan dengan itu,

mereka bongkar batu-batu nesan yang menandakan kubur orang Islam supaya jangan ada tanda Islam di Sepanyol... Walaupun begitu keras undang-undang bagi menghapuskan Islam di Sepanyol sejak beratus tahun yang lalu, apabila wujudnya demokrasi di Sepanyol, tiba-tiba muncul di kampung-kampung, keluarga-keluarga Islam yang mengisyiharkan diri mereka adalah keluarga Islam.

Berdasarkan contoh-contoh di atas, tujuan utama penutur menyelitkan serba sedikit tentang fakta sejarah tersebut adalah untuk memaparkan tentang kesusahan dan kepayahan umat Islam di negara luar menghadapi golongan musuh Islam. Melalui pemaparan ini, ia pasti membangkitkan semangat pendengar untuk berjuang bersama-sama penutur dalam menegakkan sebuah negara Islam.

4.1.2 Pengukuhan Melalui Petikan Al-Quran Dan Hadith

Dalam kesemua ceramah Abdul Hadi Awang, penutur banyak menggunakan petikan ayat-ayat suci Al-Quran, Hadith Rasulullah s.a.w, para sahabat dan pejuang Islam bagi menguatkan pernyataan yang beliau ungkapkan. Hal ini secara tidak langsung akan menguatkan keyakinan pendengar yang rata-ratanya penyokong kuat Parti Islam Melayu Se-Tanah Melayu (PAS) ini.

Antara contoh ayat Al-Quran yang diselitkan dalam ucapan oleh penutur adalah seperti berikut (dalam terjemahan):

- i. "Wahai orang-orang yang beriman! Sesiapa yang menyeleweng di kalangan kamu daripada agamanya, Allah melahirkan satu kumpulan yang berjuang untuk menegakkan Islam ini."
- ii. "Telah zahir dengan nyata dan terang, keburukan, kemusnahan, kejahatan di darat dan laut, hasil daripada apa yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia sendiri. Supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada apa yang dilakukan oleh mereka sendiri. Mudah-mudahan mereka kembali."
- iii. "Wahai orang berselimut, bangun, dan berilah amaran dan peringatan".

Contoh petikan Hadith oleh Rasulullah s.a.w pula adalah seperti berikut (dalam terjemahan) :

- i. Islam bermula dalam keadaan dagang. Dan akan kembali semula menjadi dagang.
- ii. Doa Nabi, "Ya Allah Ya Tuhan, jadikanlah aku orang yang bersyukur. Jadikanlah aku kecil pada pandangan diriku sendiri dan besar pada pandangan orang lain."
- iii. Diberi pertolongan kepadaku dengan musuh berasa gerun dalam jarak sebulan perjalanan.

Contoh petikan Hadith oleh para sahabat (dalam terjemahan):

- i. *Abu Bakar As-Siddiq.*

"Wahai manusia! Wahai tuan-tuan! Ketahuilah, sesiapa yang menyembah Muhammad, Muhammad sudah mati sekarang.

Sesiapa yang menyembah Allah, Allah itu Maha Hidup dan tidak mati sekali-kali. Tiadalah Muhammad melainkan dia seorang Rasul.”

ii. *Ibnu Kadir.*

“Barangsiapa yang mengikut perlembagaan ini bermakna dia telah menyeleweng daripada agama Islam.”

Contoh petikan kata-kata oleh pejuang Islam:

i. *Jamaluddin Al-Askhoni.*

“Sekiranya saya dipenjara, itulah peluang untuk saya beribadat. Sekiranya saya dijatuhkan hukuman mati, itulah peluang untuk saya mati syahid. Sekiranya saya dibuang negeri, itulah peluang saya melancong. Apa yang saya takut? Mereka tidak boleh menghapuskan perjuangan Islam.”

Berdasarkan penggunaan teknik pengukuhan melalui petikan Al-Quran dan Hadith, golongan khalayak pasti melihat sesuatu yang diujarkan oleh penutur merupakan sesuatu yang benar, apatah lagi perjuangan parti PAS dibuktikan dengan melibatkan kata-kata Allah. Bagi khalayak luar bandar yang beragama Islam, perjuangan tersebut pasti merupakan satu kebenaran yang teguh, disifatkan sebagai satu perjuangan di jalan Allah, dan memerlukan sokongan padu daripada mereka. Justeru, sedikit-sebanyak penutur telah mampu menarik perhatian khalayak Islam untuk menyertai perjuangan parti pimpinan beliau.

4.1.3 Teknik Pengukuhan Melalui Isu-isu Sosial

Dalam setiap ceramah yang diberikan, Abdul Hadi Awang sering memperkatakan beberapa isu. Terdapat juga isu-isu yang diulang dalam ceramah yang berbeza. Kebanyakan isu tersebut merupakan isu yang dibangkitkan oleh pihak parti lawan, iaitu UMNO. Contohnya seperti di bawah:

i. *Isu Black Metal.*

Kita tidak ada nafi di sana ada isu-isu, Black Metal, macam-macam lagi tapi ada kepala Black Metal. Ha, ini kepala dia. Ha, ini kepala dia yang membuka pagar, yang membuka kebenaran, yang mengizinkan perkara yang meruntuhkan akhlak iaitulah kita tidak berupaya untuk melaksanakan syariah.

ii. *Isu Royalti Petroleum.*

Sepatutnya saudara sedar, bagaimana mereka gelabah, mereka rampas royalti petroleum di Terengganu, mereka tak beri peruntukan yang wajib mengikut jadual Kelantan dan Terengganu.

iii. *Isu Cukai.*

Melalui cukai yang diambil, mereka kena bayar mengikut jumlah rakyat, ha sebanyak dua kali setahun, tetapi bagi Kelantan dan Terengganu sengaja mereka lambat-lambatkan.

iv. *Penukuhan JKK.*

Mereka menubuhkan JKK padahal JKK ini adalah hak kerajaan negeri, bukannya kerajaan pusat.

Berdasarkan contoh di atas, kita dapat melihat bahawa kebanyakan isu yang diperkatakan oleh penutur adalah berkenaan dengan perkara yang berlaku dalam negeri yang dipimpin oleh parti PAS, iaitu negeri Terengganu dan Kelantan. Seboleh mungkin penutur cuba mendedahkan kepada khalayak tentang tindak-tanduk kerajaan pusat (UMNO) yang cuba untuk menjatuhkan kerajaan pimpinan PAS di kedua-dua negeri tersebut. Dengan ini, khalayak pasti terpujur untuk terus menyokong perjuangan parti yang dipimpin oleh penutur.

4.2 Teknik Mengumpan Sokongan

Teknik mengumpan sokongan merupakan satu teknik yang popular digunakan oleh seseorang calon dalam kempen pilihan raya. Penggunaan teknik mengumpan yang betul dan tepat mampu memberikan kelebihan undi kepada si penutur. Dalam kajian ini, pengkaji akan membincangkan beberapa teknik mengumpan sokongan yang digunakan oleh Abdul Hadi Awang seperti:

- i. Mengumpan dengan pemujukan
- ii. Mengumpan dengan memancing simpati
- iii. Mengumpan dengan menuduh
- iv. Mengumpan dengan janji
- v. Mengumpan dengan pembuktian

4.2.1 Mengumpan Dengan Pemujukan

Menurut Ai Chat (2001:118) tujuan utama penutur kempen pilihan raya adalah untuk memancing sokongan. Penutur akan sengaja memuji dan memaparkan kelebihannya kepada para pendengar supaya memberikan sokongan yang padu kepada penutur. Teknik mengumpan dengan cara ini mampu memberikan kesan psikologi yang lebih terhadap pendengar dalam usaha meraih sokongan mereka.

Dalam ceramah oleh Abdul Hadi Awang turut terdapat penggunaan teknik ini berdasarkan contoh di bawah:

- i. Banyak tindakan-tindakan dilakukan kepada kita. Banyak hal-hal yang dialami oleh kita... kita masih tidak berganjak dalam menyatakan Islam... PAS tidak lari... dan tetap di atas dasarnya. Makin hari mempunyai pengikut yang makin ramai.
- ii. Kita semua mengetahui apabila kita membandingkan keadaan kita dengan orang lain, kita dapati di sana satu keistimewaan yang dikurniakan kepada kita oleh Allah s.w.t iaialah keteguhan jemaah kita di atas dasar Islam...
- iii. Walaupun kita tidak ada negara dan kita tidak ada kerajaan tetapi kita mempunyai keistimewaan, kehebatan yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. Walaupun kita berasa diri kita kecil tetapi musuh-musuh merasakan kita adalah besar.
- iv. Kita melihat bermula daripada Perdana Menteri sehingga JKK memandang besar kepada setiap orang PAS. Di mana sahaja orang PAS berada, mereka tidak senang duduk, mereka tidak senang berfikir selagi ada orang PAS ini.

Apabila pendengar didedahkan dengan kelebihan-kelebihan yang dimiliki oleh parti pimpinan penutur seperti yang terdapat dalam contoh-contoh di atas, sudah tentu pendengar merasa yakin terhadap parti pimpinan penutur dan seterusnya merasa ‘terpanggil’ untuk bersama berjuang dalam menegakkan sebuah negara Islam seperti yang dinginkan oleh penutur. Apatah lagi mereka merasakan seolah-olah perjuangan parti ini telah mendapat restu daripada Allah s.w.t (seperti yang diperkatakan dalam contoh ‘ii’ dan contoh ‘iii’)

4.2.2 Mengumpam Dengan Memancing Simpati

Ai Chat (2001:121) mengatakan bahawa penutur kempen pilihan raya sengaja mengulang petik atau mendedahkan tuduhan pihak lawan seolah-olah dirinya ‘mangsa fitnah’ yang tidak berdosa. Tujuannya hanyalah untuk memancing simpati pendengar agar memberikan sokongan moral kepadanya. Begitu juga dengan Abdul Hadi Awang yang turut memancing simpati pendengar dengan luahannya seperti berikut:

- i. Kerajaan PAS ditumbangkan secara tidak bermoral, melalui politik wang dalam undi tidak percaya di Terengganu tahun 61. Kerajaan PAS di Kelantan ditumbangkan tahun 78 melalui pengisytiharan darurat yang dilakukan.
- ii. Hari-hari duduk cabar PAS supaya tunjukkan mana dia tulisan, mana dia kenyataan berkenaan negara Islam. Para ulamak kita sudah ratus-ratus tahun menulis tentang negara

Islam... sudah banyak buku berkenaan dengan negara Islam, menunjukkan bahawa Dr. Mahathir ni tak baca.

- iii. Selepas dia rompak duit kita, dia buat kenyataan dalam tv, kerajaan Terengganu yang dipimpin oleh PAS tak buat apa-apa. Kita baru memerintah setahun lebih. Dia kata kita tak buat apa-apa.
- iv. Dia kena sedar, sangat bahaya dia menakut-nakutkan orang bukan Islam. Kemudian dia kata orang PAS tak reti, orang PAS tak pandai.
- v. Apabila kita menang di Kelantan, ada menteri pusat yang menyatakan bahawa kerajaan Kelantan boleh bertahan dua tiga bulan. Alhamdulillah, kita boleh bertahan dua tiga kali pilihan raya.

Berdasarkan contoh-contoh di atas, pendengar pasti merasakan bahawa penutur serta parti pimpinannya menjadi mangsa ketidakadilan yang dilakukan oleh kerajaan pusat (UMNO). Justeru, secara tidak langsung ia turut mengundang perasaan benci dan marah pendengar terhadap kerajaan pusat dan memberikan sokongannya kepada penutur.

4.2.3 Mengumpam Dengan Menuduh

Teknik penuduhan lebih bersifat ‘serangan’ yang menuduh secara menyeluruh kepada seseorang tanpa menghiraukan sama ada hakikat dan fakta menyokong ataupun menafikan segala tuduhan yang dihumbangkan itu (Mansor,

1995: 78-79). Apabila pendengar disogokkan dengan tuduhan yang menyeluruh ini, mereka mungkin menganggapnya sebagai ‘hakikat yang sudah sah terbukti’.

Di sini penutur seboleh mungkin cuba ‘menjatuhkan’ pihak lawan dengan menyatakan keburukan pihak lawan. Hal ini dilakukan semata-mata untuk meraih perhatian khalayak agar berpihak kepadanya. Contoh yang dipetik daripada data adalah seperti berikut:

- i. Dalam pilihan raya Teluk Kemang, dalam pilihan raya Lunas, kita melihat bagaimana pemimpin Barisan Nasional yang dikepalai oleh Perdana Menteri telah mengambil beberapa langkah daripada luar adat dan akhlak demokrasi berparlimen. Akhir-akhir ini terdapat arahan supaya tidak dibenarkan ceramah, tidak dibenarkan ceramah umum, pada hal ceramah umum tidak menjadi masalah.
- ii. Melalui pilihan raya, UMNO menunjukkan rekod yang buruk, yang jahat, terhadap demokrasi. Bila kerusi mereka kurang, undi mereka merosot, dalam pilihan raya 69, mereka mencetuskan peristiwa 13 Mei... Ini menunjukkan bahawa UMNO adalah sebuah parti yang tidak jujur terhadap demokrasi.
- iii. Kacau-bilau yang berlaku beberapa kali dalam negara kita yang dipimpin oleh UMNO, Barisan Nasional, menandakan bahawa dasar yang dibawa oleh UMNO tidak berjaya.
- iv. Hari ini kita ada tiga mahkamah. Mahkamah UMNO. Mahkamah sivil, mahkamah syariah dan mahkamah UMNO. Mahkamah UMNO ialah untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang UMNO dalam politik wang.
- v. Perlembagaan yang tidak menjadikan Islam sebagai agama berdaulat adalah sebuah negara sekular. Walaupun hari ini Dr. Mahathir mempertahankan bahawa pemerintahan Malaysia bukannya sekular kerana meletakkan juga Islam dalam

perlembagaan. Kita mesti ingat, makna sekular ini ialah memisahkan urusan pemerintahan daripada agama. Makna memisahkan... yang kedua dia tidak menentang agama tetapi menghadkan kuasa agama. Cara kedua inilah yang dilakukan oleh UMNO yang dipimpin oleh Dr. Mahathir sekarang.

Jika dilihat contoh yang dipetik daripada data ceramah di atas, didapati bahawa tuduhan yang diperkatakan oleh penutur, ada di antaranya yang diragui kebenarannya. Namun begitu, teknik ini memang agak popular digunakan oleh para penceramah politik dalam usaha mereka untuk memperlihatkan kepada khalayak tentang sifat negatif parti lawan.

4.2.4 Mengumpam Dengan Janji

Dalam setiap kempen pilihan raya, calon atau penutur sering memberikan berbagai-bagi janji kepada khalayak pendengar atau pengundi untuk meyakinkan pengundi bahawa calon mempunyai kemampuan untuk memahami permasalahan, memiliki karektor yang cukup mantap untuk menyelesaikannya, dan mempunyai keikhlasan yang cukup untuk menjamin keselamatan yang dipertanggungjawabkan sebagai satu tugas awam (Shadegg, 1972:60).

Abdul Hadi Awang turut memberikan beberapa janji kepada pendengar dalam setiap ceramahnya. Janji-janji yang diberikan merupakan janji-janji positif untuk pembaharuan negeri yang diperintah oleh beliau. Contohnya:

- i. Insya-Allah, kita berjanji kita akan menunaikan tanggungjawab kita.
- ii. Insya-Allah, dengan sabar kita meneruskan perjuangan. Insya-Allah dalam pilihan raya yang akan datang, kita akan buat perubahan.
- iii. ... kita sedang mengempen taukeh-taukeh pajak gadai supaya melakukan muamalah Islam kerana muamalah Islam ini lebih menguntungkan mereka. Insya-Allah, kita akan memberi motivasi dan kesedaran kepada mereka.
- iv. Begitu juga dalam pembahagian rumah. Kita akan bagi mengikut proses pentadbiran. Insya-Allah dan kita mulakan dengan meluluskan undang-undang Islam... dan selepas ini akan ada lagi undang-undang Islam yang lain, yang akan kita luluskan, Insya-Allah, dan ini menjadi tanggungjawab kita dan kewajipan kita.
- v. Kita nak hapuskan riba dalam pinjaman rumah kos rendah dan beberapa pinjaman kerajaan. Banyak lagi kita nak buat.

Janji-janji yang diberikan oleh penutur, misalnya dalam contoh-contoh di atas bertujuan agar pendengar merasa tertarik dan tidak ‘rugi’ untuk terus menyokong penutur. Apatah lagi janji-janji tersebut menjurus kepada usaha penutur untuk mengurangkan bebanan pendengar misalnya janji untuk memansuhkan riba seperti dalam contoh (v).

4.2.5 Mengumpam Dengan Pembuktian

Dalam kempen pilihan raya, calon sentiasa berusaha membuktikan kepada pendengar tentang kata-kata atau janji-janji mereka bukanlah sekadar janji-janji semasa kempen pilihan raya sahaja. Misalnya, Abdul Hadi Awang dalam ceramah politiknya telah mengemukakan perkara-perkara yang telah di laksanakan oleh pihaknya apabila mereka telah berjaya memerintah Terengganu dan seterusnya berjaya merampas tumpuk pemerintahan Terengganu daripada kerajaan UMNO.

Contoh:

- i. Sebaik sahaja kita menang di Terengganu melalui proses demokrasi berparlimen, kita telah melaksanakan beberapa peraturan yang kita janjikan kepada rakyat. Kita hapuskan tol di jambatan Kuala Terengganu, kita hapuskan cukai pintu rumah kediaman... Kemudian, kita naikkan bantuan fakir miskin, kita hapuskan riba yang membebankan pegawai-pegawai kerajaan, kita menghapuskan riba yang membebangkan pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran.
- ii. Kita bersungguh untuk laksanakan Islam... Kita dahulukan dengan perkara yang menjadi bidang kuasa kerajaan negeri. Kita menghapuskan cukai pintu rumah kediaman, kita menghapuskan cukai bakul.
- iii. Ini perkara yang boleh kita buat. Kita sudah meluluskan ribuan permohonan tanah.

Sebenarnya, calon-calon pilihan raya perlu menunaikan janji-janji yang telah mereka berikan kerana ini penting untuk membuktikan kepada para penyokongnya bahawa dirinya merupakan orang yang bertanggungjawab dan berpegang kepada janjinya. Hal ini pasti akan menguatkan lagi sokongan rakyat kepadanya.

4.3 Teknik Permintaan Tindakan

Menurut Asmah Hj. Omar (2000:34) permintaan tindakan merupakan lakuan bahasa yang sering berlaku dalam perbahasan yang memerlukan keputusan konkret. Lakuan bahasa yang seperti ini disampaikan dengan ungkapan-ungkapan seperti minta, mohon, harap, menyeru, mendesak, merayu, menggesa, menggesa dan yang serupa dengannya.

Walau bagaimanapun, dalam peristiwa bahasa seperti ceramah politik, teknik ini juga turut digunakan. Dalam ceramah oleh Abdul Hadi Awang misalnya, beliau turut ‘membuat permintaan’ kepada para pendengar. Contohnya:

- i. Maka marilah sama-sama kita memohon pertolongan daripada Allah untuk menguatkan iman kita, keyakinan kita, memberi taufik dan hidayah kepada umat kita, seluruh rakyat supaya membuat perubahan.
- ii. Kita membuat perubahan dalam pilihan raya tapi kita kena bekerja daripada sekarang. Kita kena berusaha dari sekarang menyedarkan rakyat, memahamkan rakyat

bahawa yang menghalang kebebasan rakyat... bukannya kakitangan kerajaan tetapi UMNO...

- iii. Inilah yang mematangkan kita dari suatu hari ke suatu hari yang lain dan oleh kerana itu, dalam muktamar yang seperti ini, kita perlu membuat muhasabah. Membuat perhitungan, bukan sahaja berbangga dengan kejayaan-kejayaan yang kita capai tetapi kita menyedari kelemahan-kelemahan yang berlaku.
- iv. Oleh kerana itu, kita hendaklah hadap betul-betul Barisan Nasional ini... Lawan kita ialah UMNO, Barisan Nasional. Kita hadap Barisan Nasional ini...

Berdasarkan contoh-contoh di atas, penutur membuat dua permintaan yang utama, iaitu agar pendengar yang sememangnya terdiri daripada penyokongnya, terus berusaha untuk memastikan matlamat perjuangan parti PAS terlaksana. Kedua, penutur meminta agar pendengar bersedia menghadapi parti lawan, iaitu Barisan Nasional yang dikatakan sebagai pesaing utama parti pimpinan penutur.

4.4 Teknik Menakut-Nakutkan

Menurut Ai Chat (2001:122-123), teknik ini merupakan satu teknik untuk memancing sokongan secara tidak langsung daripada para pendengar dengan cara menakut-nakutkan para pendengar melalui beberapa cara dalam ucapananya supaya pendengar berasa takut. Dengan itu, sokongan yang padu akan terus diberi kepada penutur. Abdul Hadi Awang juga tidak terkecuali menggunakan teknik ini.

Contohnya:

- i. Sekiranya kita menjalankan kerja Islam melalui serpihan-serpihan sahaja, kita tidak boleh menyatakan Allahurrabi mengikut hakikat yang sebenarnya. Kita tidak boleh menyatakan Muhammadunnabiiyyi mengikut hakikat yang sebenarnya. Kita tidak boleh menyatakan Al-Quran Nur-Imami dalam pengertian yang sebenarnya dan kita tidak boleh menyatakan Al-Muslimu Al-Ikhwani dengan jawapan seperti ini... dengan kita tidak mengambil tahu pergolakan yang berlaku di kalangan saudara-saudara kita dan umat Islam dan sesungguhnya kita tidak dapat menjadi manusia muslim yang sempurna...
- ii. Adalah menjadi satu kesalahan yang besar sekiranya kita menyertai satu kegiatan yang memundurkan perjuangan kita dan melemahkan kegiatan kita. Walaupun kegiatan itu di atas nama Islam, dengan menggunakan cara yang bernama Islam... makin dia menyertai, makin lari daripada perjuangan Islam.
- iii. Penubuhan Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) adalah satu gelombang daripada perjuangan Islam yang ditentukan oleh Allah s.w.t. Tidak ada siapa yang boleh menentang kuasa Allah. Tidak ada siapa yang boleh menghapuskan ketetapan Allah kalau tidak ada kuasa besar dunia yang boleh menghapuskan matahari dan bulan, yang boleh menghapuskan musim, yang boleh menghapuskan peraturan alam. Begitulah tidak ada kuasa besar dunia yang boleh menghapuskan perjuangan Islam. Segala usaha dan langkah untuk menghalang berkembangnya cahaya Allah dan perjuangan Islam ini menemui kegagalan.
- iv. Sesungguhnya Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) adalah sambungan daripada perjuangan Islam yang dibawa oleh Nabi-nabi dan Rasul-rasul a.s dengan menyatakan Islam secara tetap, secara teguh, secara tidak berganjak, sejak ia ditubuhkan.

Di sini, jelas kepada kita bahawa penutur menggunakan pengaruh agama Islam sebagai senjata utamanya untuk menakut-nakutkan para pendengar. Apakah lagi jika diteliti pada contoh (iv), penutur telah mengaitkan perjuangannya sebagai kesinambungan perjuangan oleh para Nabi dan Rasul serta direstui oleh Allah (seperti yang terdapat dalam contoh iii). Justeru, pendengar merasakan bahawa perjuangan yang mereka sertai ini merupakan satu perjuangan yang benar dan diredhai maka, pendengar pasti akan memberikan sokongan yang padu kepada penutur.

4.5 Teknik Membangkitkan Semangat

Teknik ini digunakan oleh seseorang penutur untuk ‘membakar’ perasaan pendengar melalui kenyataan supaya semangat pendengar terbakar. Seringnya kata-kata yang diujarkan berbaur semangat dan kesedaran membuatkan pendengar merasa terpanggil untuk berjuang bersama-sama penutur. Abdul Hadi Awang dalam ceramahnya turut menyelitkan teknik ini seperti contoh yang berikut:

- i. Kalau Islam diberi tempat untuk memerintah, Islam akan memberi keadilan kepada semua dan keadilan yang ditunjukkan oleh Islam inilah yang menyatakan rakyat 1300 tahun lebih. Kacau-bilau yang berlaku beberapa kali dalam negara kita yang dipimpin oleh UMNO, Barisan Nasional, menandakan bahawa dasar yang dibawa oleh UMNO tidak berjaya. Sudah tiba masanya kita balik kepada Islam, ajaran Allah s.w.t.
- ii. Perjuangan Islam yang dibawa oleh Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS), berlainan dengan Islam yang dibawa oleh

- jemaah-jemaah Islam yang lain... .Kita menyatakan Islam dengan tegas, bermula daripada mengislamkan individu, orang perseorangan, tiap-tiap orang, sehingga kita mahu mengislamkan kerajaan, mengislamkan negara.
- iii. Kita melihat media massa, seluruh alat-alat sebaran am memberi penumpuan dan serangan kepada kita, lebih daripada parti-parti yang lain. Isu yang ditimbulkan dalam dunia lebih ditumpukan kepada gerakan Islam. Ini menandakan kehebatan kita.
 - iv. Kita menyedari golongan yang lain daripada Islam mengalami kelemahan... .Kita tidak boleh mengharapkan kelemahan mereka sahaja dengan kita membina kekuatan kita sendiri. Bermula daripada pembinaan akidah sehingga... pembinaan parti kita sendiri.

Sebenarnya, penutur cuba mengambil kesempatan terhadap emosi pendengar dengan membakar semangat mereka agar tidak terus leka dan turut berjuang bersama-sama bagi menegakkan sebuah negara Islam sepenuhnya di Malaysia.

4.6 Teknik Beranalogi Sebagai Sindiran

Dalam situasi-situasi yang tertentu, seseorang penutur sering menggunakan contoh atau analogi bagi memudahkan pemahaman pendengar terhadap apa yang sedang diperkatakannya. Tidak kurang juga, misalnya penceramah, menyelitkan unsur analogi untuk tujuan menimbulkan suasana humor. Seseorang penutur itu akan menganalogi aspek yang sedang diperkatakan dengan sesuatu perkara atau kejadian

yang lain. Abdul Hadi Awang juga turut menggunakan teknik analogi ini ketika menyampaikan ceramahnya, misalnya:

Contoh:

- i. Kalau orang ambil air sembahyang, kena basuh muka dulu. Lepas tu basuh dua tangan hingga dua siku. Orang tak basuh kaki selalu (segera). Ini takdan (sempat) apa-apa, dia basuh kaki dah...
- ii. Dia ajak kita berlawan bola. Mari kita berlawan bola. Kemudian dia buat peraturan. Mu kena sepak belah alik kiri saja. Dia boleh kiri kanan boleh. Kita sepak kaki kiri saja. Dia buat undang-undang. Kena ke dia sokmo. Ajak pulak berlawan ‘boxing’. Ha syaratnya tanganmu kena ikat. Dia tak kena ikat. Ini peraturan-peraturan yang kata orang pendek akal.
- iii. Kita makan nasi pun, orang tak makan nasi 20 suap sekaligus. Mana boleh. Orang makan nasi satu-satu suap dulu.

Contoh (i) misalnya, penutur telah mengungkapkan analogi tersebut semasa membicarakan tentang kerajaan Terengganu yang ingin mengemukakan 6 undang-undang baru tetapi kerajaan UMNO dikatakan terus melatah dengan menuduh bahawa 6 undang-undang tersebut adalah hudud.

Bagi contoh (ii) pula, analogi tersebut dikaitkan dengan tindakan kerajaan pusat (UMNO) yang telah mengeluarkan peraturan yang dikatakan tidak adil dan zalim, iaitu tidak membenarkan pihak parti PAS mengadakan ceramah sedangkan pihak kerajaan pusat mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi.

Dengan menggunakan teknik ini, penutur sebenarnya cuba untuk memaparkan sikap negatif kerajaan pusat yang sering membuat keputusan melulu. Penutur seboleh mungkin cuba memperlihatkan kepada khalayak tentang dirinya, dan perjuangannya sentiasa menjadi mangsa ketidakadilan kerajaan pusat. Secara tidak langsung, emosi khalayak akan tersentuh dan pasti merasa terpanggil untuk berjuang bersama penutur.

4.7 Teknik Humor

Menurut Asmah Hj. Omar (2000:84-85) humor dimaksudkan “*tutur kata yang mencuit hati orang yang mendengar, yang membuat dia ketawa atau ingin ketawa, walaupun dalam keadaan marah.*” Painter (1996: 53) pula mengatakan “*humor should not be introduced simply for the sake of interest; it should be used to help a speaker realize his purpose.*”

Humor terdiri daripada berbagai-bagai jenis, misalnya seloroh, jenaka, sindiran, perlis, tempelak, dan sebagainya. Dalam perbahasan, perbincangan, termasuklah juga ceramah, masing-masing pihak mencuba mempertahankan pendirian yang lebih baik daripada yang lain, dan cuba mempengaruhi pihak lawan. Dalam suasana yang ditandai dengan konflik ini, humor digunakan sebagai alat untuk menajamkan hujah, melembutkan suasana, menimbulkan minat pendengar, atau sebagainya.

Humor dengan berbagai-bagai tujuan itu boleh diwujudkan dengan bahasa am (yakni kelainan bahasa yang dimiliki bersama), dialek kawasan, campur kod, dan alih kod. Seringkali humor diwujudkan dalam bentuk metafora atau peribahasa sama ada dalam kelainan bahasa yang am atau dialek kawasan.

Dalam ceramah oleh Abdul Hadi Awang, diselitkan beberapa unsur humor contohnya:

- i. Kita tidak ada nafi di sana ada isu-isu Black Metal. Ha, ini kepala dia. Ha ini kepala dia yang membuka pagar, membuka kebenaran, yang mengizinkan perkara yang meruntuhkan akhlak...
- ii. Tiba-tiba pemimpin UMNO melenting. Hak betina hak jantan melenting belaka. Ketua Wanita UMNO menyatakan hudud nak berjalan dah di Terengganu. Sudah kerja dah. Kena kerat tangan dah.
- iii. ...melalui presiden yang sudah mengundurkan diri, iaitulah Gus Dur. Ha, Gus dur telah mengeluarkan arahan-arahan kepada pegawai kerajaan untuk mempertahankan dirinya. Ha, mengarahkan polis, polis tak ikut cakap dia. Akhirnya Gus Dur yang undur dan jagalah kita punya sabar beberapa ketika... .Kita yakin dan percaya, di suatu hari nanti bukan sahaja Gus Dur yang berundur, "Gus Thir" (merujuk kepada Dr.Mahathir) pun akan berundur...

Memandangkan data ceramah yang dikaji ialah data yang disalin daripada rakaman lisan kepada data berbentuk tulisan, maka pengkaji telah mengutip contoh-contoh di atas berdasarkan situasi humor yang terdapat dalam rakaman lisan. Dalam

situasi humor seperti contoh di atas, penutur sebenarnya menempelak para pemimpin UMNO secara terang-terangan dan ia telah menjadi bahan ketawa pendengar.

4.8 Teknik Penonjolan Kesopanan

Menurut Asmah Hj. Omar (2000:104), penggunaan bahasa yang tidak membangkitkan kemarahan, kegusaran, rasa kecil hati, perasaan tersinggung atau sebagainya merupakan penggunaan bahasa yang sopan.

Perhubungan bersemuka terutama sekali antara individu-individu yang berlainan taraf sosial dan berbeza peranannya, ada peraturan-peraturan yang pada hakikatnya menghendaki mereka menonjolkan sikap sopan santun itu. Dalam data kajian, penutur turut menggunakan unsur kesopanan seperti penggunaan nama rujukan dan gelaran yang sesuai.

Contoh:

- i. Yang Amat Berhormat Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz, Al-Mursyidul Am Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS).
- ii. Perdana Menteri hadir dalam majlis tu. Timbalan Perdana Menteri pun hadir.
- iii. Alhamdulillah, undang-undang hisbah ini telah diluluskan, yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, telah ditandatangi oleh Duli

Yang Maha Mulia Tuanku As-Sultan dan ianya dilaksanakan secara rasmi.

Selain itu, penonjolan kesopanan juga terlihat pada pembuka ucapan oleh penutup.

Contohnya:

- i. Assalamualaikum... .Yang dihormati lagi dikasihi, saudara pengacara majlis, Yang Amat Berhormat Al-Mursyidul Am Datuk Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Yang Berhormat Datuk Presiden, Datuk Ustaz Haji Fadhil Mohd Nor, Yang Berhormat Naib Presiden, Senator Ustaz Haji Hassan syukri, Yang Berhormat Setiusaha Agung, Ashabul Fadhilah, Ahli-ahli majlis Syura Ulamak, Yang Dihormati Al-Fadhil Ustaz Jais Anuar, tetamu undangan, seluruh ahli-ahli jawatankuasa PAS Pusat, Pesuruhjaya-pesuruhjaya PAS Negeri, Ashabul Fadhilah para ulamak, pemimpin-pemimpin PAS, pemimpin-pemimpin Barisan Alternatif, saudara-saudari, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.
- ii. Assalamualaikum... .Firman Allah Taala yang bermaksud “Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh di kalangan kamu, di kalangan mereka itu bahawa Ia akan menjadikan mereka itu khalifah yang memerintah di atas muka bumi. Sebagaimana Allah telah menjadikan orang-orang yang terdahulu sebagai khalifah dan Allah menjadikan ugama mereka yakni Islam berkuasa memerintah, dan Dia menukar, menukar keadaan daripada ketakutan kepada keamanan. Dalam keadaan mereka itu menyembahKu, dan mereka tidak menyekutukan Aku dengan sesuatu yang lain dan sesiapa yang kufur selepas itu, maka itulah orang-orang yang fasikh”. Yang dihormati saudara pengerusi, yang dihormati Ketua Pas Kawasan Dungun, Al-Fadhil Ustaz Omar Syukri, Yang Dihormati Naib Ketua PAS Kawasan Dungun, saudara Haji Mustafa Ali, merangkap Bendahari PAS

Pusat, seluruh Ketua-ketua dewan, seluruh pimpinan kawasan perwakilan daripada cawangan, muslimin dan muslimat yang dihormati dan dikasihi sekalian.

Seperti kebanyakan komunikasi lisan yang lain, penonjolan unsur kesopanan baik dari segi penggunaan nama rujukan dan gelaran, pembuka dan penutup bicara juga merupakan salah satu aspek yang penting semasa penyampaian ceramah. Hal ini dapat dilihat berdasarkan contoh-contoh di atas. Penutur dilihat turut menggunakan gelaran hormat yang merujuk kepada para pemimpin parti PAS, dan kepada sultan Terengganu. Dalam aspek pembuka bicara pula, penutur sering memulakan ceramahnya dengan ucapan salam dan ada di antara ceramahnya dimulakan dengan beberapa potong ayat suci Al-Quran beserta terjemahannya.

4.9 Teknik Penyisian

Penyisian (*hedging*), adalah tindakan yang dilakukan oleh penutur yang membawa jalan fikiran ke arah “sisi” pokok perbincangan, tetapi dengan tujuan mencapai matlamat penutur dalam perbincangan itu (Asmah Hj. Omar, 2000: 47-48).

Antara matlamatnya ialah membuat pendengar yakin dengan apa yang dikatakan dalam asas kandungan dan hujah. Penyisian ini berfungsi menegaskan pernyataan yang dibuat, melembutkan suasana, menimbulkan harapan atau juga

kekeliruan dalam usaha memujuk, menyatakan perasaan dan berbagai-bagi lagi. Menurut Asmah, penyian boleh dibahagikan kepada berbagai-bagi jenis, berdasarkan fungsi tiap-tiap jenis dalam proses perbualan atau perbincangan yang sedang berlaku. Antara jenis penyian yang akan dibincangkan adalah seperti berikut:

- i. Pernyataan hipotesis.
- ii. Pemberian tafsiran.
- iii. Patah balik.
- iv. Penjituhan.
- v. Pernyataan harapan.
- vi. Pernyataan kesimpulan.
- vii. Pernyataan kegembiraan.
- viii. Pernyataan tolak ansur.

4.9.1 Pernyataan Hipotesis

Menurut Asmah Hj. Omar (2000: 48), pernyataan hipotesis boleh dikesan daripada penggunaan ungkapan-ungkapan yang menunjukkan andaian atau pemerhatian, seperti **kononnya, nampaknya, kalau tidak salah, boleh jadi, mungkin, barangkali**, atau yang serupa itu. Contoh daripada data ceramah oleh Abdul Hadi Awang adalah seperti berikut:

- i. Sudah tiba masanya untuk diberi peluang kepada Islam dan memang ***nampak-nampaknya*** majoriti rakyat nak beri peluang kepada Islam terutamanya di kalangan terpelajar.
- ii. Dalam pilihanraya yang akan datang, ***akan*** lebih banyak cabaran-cabaran yang akan kita hadapi dan kita melihat kebimbangan parti kerajaan terhadap pengaruh yang makin hari makin meningkat.
- iii. Inilah ***barangkali*** yang dirasai oleh Perdana Menteri, maka dia membuat kenyataan secara melatah.

Dalam ketiga-tiga contoh di atas, penggunaan ungkapan-ungkapan ‘nampak-nampaknya’, ‘akan’, dan ‘barangkali’ merupakan pernyataan hipotesis oleh penutur. Di sini, penutur hanyalah membuat andaian terhadap apa yang sedang diujarkannya misalnya contoh (i), penutur mengandaikan bahawa rakyat Malaysia terutama yang beragama Islam serta golongan terpelajar telah mula memberikan sokongan kepada beliau dan parti pimpinannya. Walaupun andaianya tidak berdasarkan bukti namun, para pendengar, terutama penyokong-penyokongnya akan menerima ini sebagai satu pencapaian parti PAS. Begitu juga contoh (ii), penutur mengandaikan bahawa parti pimpinannya akan berdepan dengan pelbagai cabaran dan rintangan untuk meraih lebih banyak sokongan daripada rakyat Malaysia terhadap parti pimpinannya. Secara halus, penutur sebenarnya cuba meraih sokongan pendengar agar turut bersama-sama membantunya merealisasikan penubuhan sebuah negara Islam.

4.9.2 Pemberian Tafsiran

Menurut Asmah Hj. Omar (2000:52), fungsi ini boleh dibahagikan kepada dua subgolongan. Yang pertama merupakan tafsiran yang diberi kepada keadaan atau peristiwa, sedangkan yang kedua merupakan tafsiran makna perkataan. Walau bagaimanapun, pengkaji melihat subgolongan yang kedua kerana subgolongan pertama tidak terdapat di dalam data kajian.

Tafsiran makna kata atau parafrasa merupakan jenis tafsiran perkataan atau ungkapan yang menggunakan perkataan lain. Tafsiran ini bersifat metalingustik, yakni menerangkan bahasa dengan menggunakan bahasa. Dalam bahasa biasa tafsiran ini disebut parafrasa. Ungkapan-ungkapannya ialah **dengan kata/perkataan lain, maknanya, makna kata, ertinya**, atau yang serupa dengannya. Abdul Hadi Awang turut menggunakan teknik ini misalnya dalam contoh di bawah:

- i. Kita mesti ingat **makna** sekular ini ialah memisahkan urusan pemerintahan daripada agama. **Makna** memisahkan ini ada dua perkara. Yang pertama menentang agama terus. Yang kedua dia tidak menentang agama tetapi menghadkan kuasa agama.

Dalam contoh di atas, ungkapan ‘*memisahkan urusan pemerintahan daripada agama*’ adalah tafsiran makna kata bagi ‘sekular’ manakala ungkapan ‘menentang agama terus’ dan ‘tidak menentang agama tetapi menghadkan kuasa

agama' adalah tafsiran makna bagi perkataan ‘memisahkan’ yang diberikan oleh penutur dalam salah satu daripada ceramahnya yang dikaji.

4.9.3 Patah Balik

Menurut Asmah Hj. Omar (2000: 53) teknik patah balik digunakan untuk salah satu daripada dua tujuan ini, atau kedua-duanya: iaitu menyegarkan ingatan, dan membangkitkan perbincangan berdasarkan apa yang sudah dibincangkan atau disebut terdahulu. Ungkapan-ungkapan yang digunakan adalah seperti yang berikut, **saya telah pernah menyatakan, saya ingin berbalik kepada** atau yang serupa dengannya.

Dalam kajian, hanya terdapat sekali sahaja Abdul Hadi Awang menggunakan teknik ini. Contohnya :

- i. Sebagaimana **saya sebut** dalam satu ceramah saya, beberapa ceramah saya. Satu kes yang berlaku di Kedah yang apabila seorang guru yang menganut ajaran Qadiani, yang diambil tindakan oleh Pejabat Agama negeri Kedah melalui Mahkamah Syariah.

Berdasarkan contoh di atas, penutur cuba membawa ingatan pendengar kepada satu peristiwa yang pernah diperkatakannya dalam ceramahnya yang lalu. Di

sini, penutur tidak mahu pendengar mendengar semata-mata setiap kata-katanya tetapi mahukan juga pendengar mengingat kembali perkara yang diperkatakan tersebut.

4.9.4 Penjituhan

Menurut Asmah Hj. Omar (2000: 53), penjituhan merujuk kepada usaha penutur menimbulkan penjituhan kepada apa yang disampaikan untuk meyakinkan pendengar. Usaha ini boleh diwujudkan dengan berbagai-bagai cara untuk berbagai-bagai tujuan. Penjituhan terbahagi kepada beberapa subgolongan, seperti penjituhan maklumat, penjituhan tindakan, penjituhan sumber, dan penjituhan konteks. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menyentuh dua daripada subgolongan yang dinyatakan di atas, iaitu penjituhan maklumat dan penjituhan tindakan. Dua subgolongan lain tidak dapat dibincangkan kerana contohnya tidak terdapat di dalam data yang dikaji.

Penjituhan maklumat merupakan penegasan kejituuan maklumat dengan penggunaan ungkapan-ungkapan **sebenarnya, tegasnya, sememangnya, pada hakikatnya, nyata sekali, jelas sekali**, atau yang serupa itu. Contoh yang terdapat dalam data ceramah Abdul Hadi Awang adalah seperti berikut:

- i. Kita hadap Barisan Nasional ini dan kita hendaklah sedar bahawa langkah yang diambil ini **sebenarnya** bukan menunjukkan kekuatan Barisan Nasional.
- ii. Inilah **sebenarnya** yang menakutkan Barisan Nasional, yang membimbangkan mereka.
- iii. Apabila saya mengambil kesempatan di Dewan Rakyat menjelaskan hudud secara *detail*, mengikut kadar masa yang diberi dan dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh ahli-ahli parlimen yang bukan Islam, **ternyata** kepada mereka hukum hudud adalah hukuman yang paling baik.

Bagi contoh-contoh di atas, unsur penjituhan memang jelas terlihat misalnya dalam contoh (iii) penutur telah memaklumkan kepada pendengar bahawa mereka yang bukan beragama Islam juga menganggap hukum hudud itu sebagai sesuatu yang baik.

Penjituhan tindakan bermakna pernyataan yang dibuat untuk menunjukkan kejituhan dalam tindakan yang diambil atau akan diambil, dan disampaikan dengan ungkapan-ungkapan seperti **untuk itu, oleh itu, oleh sebab itu, oleh yang demikian, demi kepentingan, dengan ini**, dan sebagainya. Contoh bagi penjituhan jenis ini berdasarkan ceramah oleh Abdul Hadi Awang adalah seperti berikut:

- i. Di seluruh dunia, gerakan Islam tidak boleh dibunuh. **Oleh kerana itu**, saya ingin memberi amaran kepada pemimpin Barisan Nasional bahawa kerja-kerja mereka untuk membunuh Islam ini adalah kerja yang sia-sia.

- ii. Mereka berjihad pada jalan Allah dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela. ***Yang demikian*** adalah kurnia Allah yang diberi kepada sesiapa yang Dia kehendaki di kalangan hamba-Nya.
- iii. Dia pun tahu parti dia tidak memperjuangkan Islam sepenuhnya. Orang UMNO pun tahu. ***Oleh kerana itulah*** dia tak berani nak menyebut parti dia parti Islam.

Dalam contoh (i) di atas, penutur cuba menjelaskan kepada pendengar (yang mungkin turut terdiri daripada penyokong parti lawan iaitu UMNO) bahawa sebarang tindakan yang bakal diambil oleh pihak parti lawan untuk memusnahkan Islam dan sekaligus parti pimpinannya tidak akan berjaya kerana penutur sebelum itu telah mengatakan bahawa gerakan Islam tidak dapat dihancurkan. Di sini, setelah penutur memberikan sesuatu pernyataan, penutur telah menitikkan bahawa sebarang tindakan negatif yang bakal diambil oleh pihak lawan tidak akan berjaya.

4.9.5 Pernyataan Harapan

Pernyataan harapan secara penyisian menurut Asmah Hj. Omar (2000 :57-58) adalah dengan menggunakan ungkapan ***Insya-Allah***. Abdul Hadi Awang turut mengungkapkan pernyataan harapan kepada pendengar seperti:

- i. ***Insya-Allah***, kita akan menghadapi keadaan ini dengan sabar, dengan bijaksana, dan kita sama-sama bertekad untuk membuat perubahan.

- ii. *Insya-Allah*, dalam pilihanraya yang akan datang kita akan menuaikan tanggungjawab kita.
- iii. *Insya-Allah* kita telah sedar dan kita sebarkan kepada rakyat supaya walaupun ceramah kita pada malam ini tidak panjang dalam 15 minit sahaja tapi kesan dia 15 tahun, *Insya-Allah*.

Berdasarkan contoh di atas, penutur meluahkan harapannya agar para pendengar menyokongnya dan bersama-sama penutur menyedarkan rakyat serta membuat perubahan yang telah tergaris dalam matlamat utama perjuangan parti.

4.9.6 Pernyataan Kesimpulan

Menurut Asmah Hj. Omar (2000 :58), fungsi ini boleh dibahagikan kepada dua, iaitu pernyataan kesimpulan fakta dan pernyataan kesimpulan andaian. Namun begitu, kesimpulan fakta tidak terdapat dalam data ceramah dan tidak akan dibincangkan.

Bagi kesimpulan andaian, ia diwujudkan oleh ungkapan *sepatutnya*. Contoh daripada data ceramah oleh Abdul Hadi Awang adalah:

- i. Inilah yang *sepatutnya* rakyat boleh faham cara yang seperti ini.

- ii. ***Sepatutnya*** dia kena sokong bila kita nak laksanakan Islam.
- iii. ***Sepatutnya*** saudara sedar, bagaimana mereka gelabah, mereka rampas royalti petroleum di Terengganu, mereka tak beri peruntukan yang wajib mengikut jadual kepada Kelantan dan Terengganu.

Berdasarkan contoh-contoh kesimpulan andaian di atas, didapati bahawa penutur hanyalah menyimpulkan sesuatu yang pada pandangannya harus berlaku menurut kemahuannya namun, ia tidak semestinya terjadi begitu. Misalnya dalam contoh (ii), penutur mengharapkan agar pemimpin dan penyokong parti UMNO memberikan sokongan kepadanya dan partinya namun, apa yang terjadi adalah sebaliknya.

4.9.7 Pernyataan Kegembiraan

Fungsi ini boleh dibahagikan ke dalam dua subgolongan, iaitu pernyataan kesyukuran dan pernyataan pujian (Asmah Hj. Omar, 2000 :59-60). Pernyataan pujian tidak dapat dibincangkan kerana contoh tidak terdapat dalam data ceramah oleh Abdul Hadi Awang.

Pernyataan kesyukuran diwujudkan oleh ungkapan-ungkapan seperti ***alhamdulillah*** dan ***syukur***. Dalam ceramah Abdul Hadi Awang, penutur sering menggunakan ungkapan pernyataan kesyukuran misalnya:

- i. *Alhamdulillah*, kita mendapat kemenangan di Kelantan, kemudian di Terengganu.
- ii. *Alhamdulillah*, di Kelantan, di Terengganu, kita dapat membersihkan daripada unsur-unsur ini.
- | iii. *Alhamdulillah*, kita boleh bertahan dua tiga kali pilihan raya.

Penutur telah melahirkan rasa kesyukurannya kepada Allah s.w.t. kerana parti pimpinannya telah berjaya mendapat kemenangan di negeri Kelantan dan Terengganu serta berjaya mempertahankan kemenangan tersebut dalam beberapa siri pilihan raya. Selain itu, dalam contoh (ii), penutur turut melahirkan kesyukurannya apabila penutur berjaya mengatasi masalah-masalah sosial yang berlaku di kedua-dua negeri tersebut.

4.9.8 Pernyataan Tolak Ansur

Fungsi ini dikenal pasti dengan adanya ungkapan seperti *walaupun demikian*, *walaupun begitu*, *sungguhpun demikian*, *namun*, dan sebagainya (Asmah Hj. Omar, 2000: 60). Dalam ceramah oleh Abdul Hadi Awang, beberapa contoh pernyataan tolak ansur turut terdapat seperti:

- i. Apabila wafatnya Rasulullah s.a.w ketika kaum murtad menyeleweng dari pertama yang didirikan oleh Rasulullah s.a.w dalam keadaan bahaya, agama Islam juga dalam keadaan

- bahaya. **Namun demikian**, Allah tidak mematikan agama Islam ini.
- ii. ... dan menunjukkan bagaimana pemimpin-pemimpin UMNO adalah orang-orang yang tidak faham berkenaan dengan agama Islam. **Walaupun** dia nak tunjuk dia reti (faham) Islam, baca Quran, dalam ucapan dia dah mula baca ayat Quran tetapi mereka tidak boleh meletakkan kejahilan mereka dalam perkara agama.
 - iii. Ini adalah keistimewaan yang diberi kepada kita. Kehebatan yang dikurniakan kepada kita oleh Allah s.w.t. **Walaupun demikian**, kita tidak boleh memandang secara percuma.

Dari contoh-contoh di atas, didapati pernyataan tolak ansur ini juga merupakan pernyataan pertentangan dengan perkara yang telah diperkatakan oleh penutur sebelumnya. Misalnya dalam contoh (iii), penutur sebelum itu memperkatakan tentang keistimewaan parti pimpinannya namun, dia cuba untuk menyedarkan pendengar agar tidak terus leka dengan keistimewaan tersebut.

4.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan teknik-teknik pemujukan politik yang digunakan oleh Abdul Hadi Awang. Terdapat pelbagai teknik telah digunakan untuk melihatkan keberkesanan pemujukan penutur dalam mempengaruhi pengundi pilihanraya.

Dalam kelima-lima teks ceramah politik, didapati penutur kerap membuat sokongan terhadap fakta-faktanya dengan menggunakan petikan Al-Quran dan Hadith. Sebagai khalayak yang rata-ratanya beragama Islam, teknik pemujukan sebegini mampu ‘mengikat’ fikiran mereka terhadap kebenaran fakta oleh penutur. Apatah lagi dengan keperibadian penutur yang memegang gelaran ‘Tuan Guru’. Di sini, keperibadian seseorang penutur amat ditekankan, seperti yang dinyatakan oleh Sabato (1981: 145) “... *whether correctly or not, that most voters judge them more on feelings about personalities than on issues.*”

Selain itu, pada setiap bahagian awal ceramah, penutur pasti memulakannya dengan kisah-kisah beberapa buah negara Islam di Barat dan Timur Tengah. Kebanyakannya tumpuan yang diberikan oleh beliau lebih kepada perjuangan untuk membentuk sebuah negara Islam. Tujuan penutur di sini sudah tentulah ingin membakar semangat di kalangan khalayak agar bersama-sama dengannya dalam perjuangan untuk menjadikan sebuah negara Islam sepenuhnya.

Untuk meraih sokongan daripada pendengar, penutur turut menggunakan pelbagai teknik lain. Salah satu daripadanya ialah teknik mengumpan sokongan. Melalui teknik ini, penutur cuba memancing simpati pengundi, memujuk mereka dengan memaparkan kelebihan dan kejayaan yang ada pada parti pimpinannya dengan menyelitkan beberapa isu yang memperlihatkan sifat negatif parti lawan. Di sinilah teknik penuduhan digunakan sehingga khalayak “... *mungkin menganggapnya sebagai hakikat yang sudah sah terbukti.*” (Mansor, 1995: 78-79).

Selain itu, penutur turut memberikan pelbagai janji untuk membawa perubahan yang lebih baik sekiranya pendengar terus menyokong perjuangannya.

Di samping itu, melalui teknik permintaan, penutur mengajak pendengar secara lembut agar turut menyokong matlamat perjuangannya dan seterusnya cuba membangkitkan semangat perjuangan mereka. Tidak kurang juga, penutur dilihat menggunakan teknik menakut-nakutkan pendengar apabila mengaitkan perjuangannya dengan agama Islam dan mendakwa partinya adalah kesinambungan perjuangan oleh para Rasul dan Nabi.

Penggunaan teknik humor dan beranalogi sebagai sindiran dalam sesuatu ceramah mempu mengurangkan ketegangan yang timbul di kalangan khalayak pendengar. Humor walaupun mampu menimbulkan suasana yang mencuit hati khalayak namun, matlamat yang tersirat di sebaliknya adalah untuk menyatakan keburukan pihak lawan. Begitu juga dengan unsur analogi yang lebih menjurus kepada sindiran baik kepada pendengar sendiri mahupun pihak lawan, iaitu UMNO. Namun demikian, ceramah oleh penutur turut diselitkan dengan beberapa penonjolan ciri kesopanan. Ini memperlihatkan kepada kita bahawa dalam berkomunikasi, masyarakat Melayu masih mementingkan aspek kesopanan.

Teknik penyisian juga turut terdapat dalam ceramah oleh Abdul Hadi Awang. Meskipun tidak semua jenis penyisian terdapat dalam ceramahnya namun, dengan

adanya teknik ini, usaha penutur untuk memujuk emosi dan fikiran khalayak lebih meyakinkan.

Kepelbagai teknik-teknik yang digunakan seperti yang dibincangkan dalam bab ini merupakan pemangkin yang penting dalam usaha penutur memujuk khalayak agar sentiasa berpihak kepadanya dalam pilihan raya yang akan datang. Penutur yang mahir dengan teknik pemujukan dan ditambah dengan personaliti yang meyakinkan merupakan bonus yang mampu menarik lebih ramai khalayak agar tertarik untuk mendengar kempen pilihan raya olehnya dan seterusnya merasa yakin untuk memilihnya memimpin negeri atau negara di masa hadapan.

Dalam ceramahnya juga, beliau tidak hanya memfokuskan kepada satu isu sahaja. Meskipun fokus utama ceramahnya dinyatakan di permulaan ceramah namun, bagi menyokong fokus utama ini, beliau turut menyelitkan beberapa isu yang memperlihatkan sifat negatif parti lawan.